

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI  
IBRAHIM  
[ KUALA SELANGOR ]**

**TARIKH : 9 JUN 2014 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [ Kuala Selangor ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang memperkenalkan undang-undang seperti *Racial Vilification Act 1996* yang dilaksanakan di Australia bagi tujuan menghalang seseorang dari menghasut kebencian, penghinaan yang serius, atau ejekan terlampau, yang melibatkan agama atau bangsa.

**JAWAPAN:**      **YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada 11 Julai 2012, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan hasrat Kerajaan untuk memansuhkan Akta Hasutan 1948 [ atau *Akta 15* ] dan menggantikannya dengan suatu Akta baru yang dikenali sebagai Akta Keharmonian Nasional.
2. Ingin ditegaskan bahawa dalam menggubal Akta Keharmonian Nasional yang akan dicadangkan ini, atau apa jua nama bersesuaian yang akan digunakan untuk akta itu kelak, Kerajaan tidak akan sama sekali menggadai atau membelakangkan peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan yang selama ini menjadi tulang belakang asas penyatuan rakyat berbilang agama dan kaum yang telah diusahakan serta dijadikan asas kukuh oleh pemimpin-pemimpin kita yang terdahulu dalam mencapai kemerdekaan dan pembentukan Negara kita yang tercinta ini.
3. Objektif Akta Keharmonian Nasional bukan sahaja untuk memperkasa undang-undang tetapi juga untuk mencari mekanisme yang dapat menentukan keseimbangan terbaik antara keperluan menjamin kebebasan bersuara yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dan membolehkan tindakan undang-undang diambil terhadap mereka yang menggunakan isu-isu sensitif untuk memecahbelahkan perpaduan nasional, termasuklah penghinaan terhadap institusi diraja atau raja.

4. Bagi tujuan ini, Kerajaan kini sedang mendapatkan dan mengumpul pandangan serta maklum balas daripada semua pihak yang berkepentingan berhubung dengan peruntukan yang wajar dimasukkan ke dalam Akta Keharmonian Nasional tersebut.

5. Sehubungan dengan itu, tarikh sebenar pemansuhan Akta Hasutan 1948 dan untuk digantikan dengan Akta Kerhamonian Nasional masih belum dapat diputuskan pada masa ini memandangkan perkara tersebut masih sedang dalam kajian dan memerlukan penelitian daripada pelbagai aspek.

6. Perlu diingatkan bahawa proses ini membabitkan penggubalan satu akta yang baru dan bukannya pindaan kecil kepada akta sedia ada. Proses menggubal sesuatu undang-undang bukanlah suatu perkara mudah yang hanya boleh diselesaikan dalam tempoh masa yang singkat. Ia memerlukan ketelitian, kajian, perbandingan dengan undang-undang yang sedia ada serta perbincangan yang mendalam. Ia juga perlu melihat dari sudut penguatkuasaannya kelak yang melibatkan masyarakat yang berbeza dari segi budaya, agama, bangsa, adat resam, pemikiran dan sebagainya.

7. Seperti peruntukan dalam *Racial Vilification Act 1996* yang dikuatkuasakan di South Australia, pihak-pihak yang sedang merunding Rang Undang-Undang Keharmonian Nasional turut memberi perhatian kepada aspek pencegahan perbuatan menghasut, membangkitkan kebencian, penghinaan yang serius, atau ejekan terlampau, yang melibatkan agama atau bangsa.

8. Kerajaan melalui Jawatankuasa Kerja Perundangan dan Mempromosi Keharmonian Nasional, Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) atau *National Unity Consultative Council* (NUCC) telahpun mengambil dan memulakan inisiatif untuk membincangkan cadangan penggubalan akta baru ini.

9. Memang benar bahawa terdapat beberapa draf cadangan kerja (*proposed working draft*) akta berkenaan ada dikemukakan baru-baru ini. Namun, input daripada draf-draf cadangan kerja berkenaan masih lagi sedang diteliti. Sekiranya ia adalah sesuai dan baik serta boleh dilaksanakan di Negara kita, maka cadangan tersebut akan dipertimbangkan. Orang ramai juga dipelawa untuk mengambil bahagian dalam member pandangan, cadangan dan komen terhadap cadangan draf rang undang-undang tersebut di laman web [www.nucc.my](http://www.nucc.my).

10. Proses konsultasi juga masih giat dijalankan dan belum lagi dimuktamadkan, bercanggah dengan seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak baru-baru ini. Draft undang-undang yang bakal digubal ini merupakan undang-undang yang datangnya dari rakyat untuk rakyat di mana input, pandangan dan cadangan dari rakyat akan diperolehi melalui beberapa siri dialog, perbincangan meja bulat (*round table discussion*) dan sebagainya.

11. Penelitian dan kajian yang menyeluruh adalah penting bagi memastikan suatu undang-undang itu komprehensif dan dapat dilaksanakan dengan berkesan. Maka dengan itu, adalah tidak wajar untuk kita menetapkan tarikh akhir (*dateline*) untuk akta berkenaan

disiapkan bagi mengelakkan tekanan yang tidak diperlukan (*unnecessary pressure*), iaitu sesuatu yang kita tidak mahu dan tidak wajar diletakkan dalam mencari dan mencapai kesempurnaan yang diharapkan.

12. Kerajaan komited kepada hasrat dan janji yang telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memansuhkan Akta Hasutan 1948 ini dan digantikan dengan Akta Keharmonian Nasional kelak.

Sekian, terima kasih.

**SIDANG DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **YB DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT**  
**[ HULU LANGAT ]**  
**TARIKH** : **SELASA, 10 JUN 2014**  
**SOALAN** : **8**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan faedah besar hasil daripada perancangan menempatkan kemudahan siklotron (Cyclotron Facilities) di Nuklear Malaysia dan berapakah kos yang terlibat.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang di - Pertua,**

Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) sedang merancang untuk membangunkan kemudahan siklotron berkapasiti tinggi (30 MeV), dilengkapi dengan kemudahan makmal-makmal penyelidikan dan pembangunan.

Siklotron adalah mesin pemecut zarah yang menggunakan elektrik dan medan magnet bagi mempertingkatkan kelajuan ion untuk menghasilkan

radioisotop. Siklotron berkapasiti tinggi ini mampu menghasilkan radioisotop Tc-99m. Ini dapat menyelesaikan masalah bekalan radioisotop dalam negara, malahan ia juga boleh dibekalkan kepada negara-negara jiran. Selain daripada itu, siklotron ini juga mampu menghasilkan pelbagai jenis radioi

sotop lain, khususnya yang digunakan dalam bidang perubatan nuklear. Radioisotop yang dapat dihasilkan nanti tidak terhad pada kegunaan diagnostik tetapi mampu digunakan untuk tujuan rawatan penyakit kanser khususnya.

Rawatan menggunakan radiofarmasiutikal merupakan kaedah rawatan yang spesifik di mana kaedah ini dapat meningkatkan ketepatan dan mempelbagaikan jenis rawatan yang boleh ditawarkan kepada pesakit. Ini secara tidak langsung akan dapat meringankan beban pesakit dan kos rawatan serta dapat mempercepatkan proses rawatan kepada rakyat Malaysia khasnya dan kepada pesakit yang amat memerlukan kaedah rawatan seperti ini dengan kos yang lebih murah di dalam negara berbanding sekiranya mereka mendapatkan rawatan di luar negara. Ini akan menyumbang kepada peningkatan kualiti tahap hidup rakyat dan seterusnya kepada pencapaian Wawasan 2020.

Radiofarmasiutikal tempatan yang dihasilkan daripada siklotron berkapasiti tinggi ini berupaya untuk mengesan dan merawat penyakit pada kos yang rendah dan sekali gus dapat meningkatkan kualiti hidup serta melanjutkan jangka hayat pesakit-pesakit terutama pesakit kanser yang tidak berkemampuan untuk mendapatkan rawatan di luar negara.

Antara faedah lain hasil daripada perancangan menempatkan kemudahan siklotron di Nuklear Malaysia adalah kemudahan siklotron berkapasiti tinggi ini membolehkan Nuklear Malaysia memainkan peranan utama sebagai sebuah pusat rujukan nuklear yang mampu menghasilkan radioisotop berjangka hayat panjang yang mana bukan hanya boleh dibekalkan kepada hospital kerajaan dan swasta, malah ke institusi penyelidikan serta industri tempatan di Malaysia, sekali gus mengembangkan penggunaan teknologi nuklear ke seluruh negara. Di samping itu, Malaysia juga akan berkemampuan untuk mengeksport dan membekalkan radioisotop ke luar negara.

Anggaran kos untuk membangunkan kemudahan siklotron ini sebanyak RM240 juta, akan tetapi ia masih dalam pertimbangan Kementerian saya.

Sekian, terima kasih.



**NO. SOALAN: 9**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD**

**TARIKH : 10 JUN 2014**

**SOALAN :**

**Dato' Ir. Haji Nawawi bin Ahmad (Langkawi)** minta **Perdana Menteri** menyatakan adakah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) akan mengambil tindakan terhadap pencerobohan oleh bot nelayan di mana mereka bertindak menangkap ikan bukan di kawasan zon yang dibenarkan mengikut kategori bot agar perkara ini dapat diatasi khususnya di Pulau Langkawi.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

APMM ditubuhkan berfungsi untuk menjaga dan memelihara keselamatan, keamanan dan kedaulatan negara di Zon Maritim Malaysia serta menyelamatkan nyawa dan harta benda semasa kecemasan di laut. Fungsi APMM secara khususnya adalah menguatkuasakan undang-undang dan ketenteraman di bawah undang-undang persekutuan termasuklah Akta Perikanan 1985 (Akta 317). APMM akan mengambil tindakan undang-undang terhadap bot nelayan yang melanggar Akta Perikanan 1985 yang mana menangkap ikan di kawasan zon yang tidak dibenarkan mengikut kategori khususnya di Pulau Langkawi.

Bagi penguatkuasaan dan tindakan terhadap kes pencerobohan oleh bot nelayan atau menangkap ikan di kawasan zon yang dibenarkan, APMM merekodkan sebanyak 12 kes tangkapan bagi tahun 2014 sehingga bulan Mei di kawasan perairan Langkawi. Keseluruhan kes yang berkaitan Akta Perikanan di perairan Negeri Kedah pula ialah sebanyak 612 kes tangkapan bermula dari tahun 2006 sehingga Mei 2014. Kesemua kes telah dituduh di bawah Akta Perikanan 1985, Seksyen 8 (b) iaitu dengan melanggar apa-apa syarat dalam lesen yang dikeluarkan berkenaan dengan vesel itu.

APMM sentiasa melaksanakan rondaan operasi secara berkala bagi mencegah aktiviti pelanggaran syarat di bawah Akta Perikanan 1985. Agensi juga melaksanakan program Sahabat Maritim sebagai satu mekanisma untuk berdialog bersama komuniti maritim dalam tujuan mengumpul sebarang bentuk aduan atau laporan dari orang ramai bagi tujuan penguatkuasaan yang lebih berkesan. Operasi khas juga sering dilaksanakan di kawasan Pulau Langkawi bersama dengan Jabatan Perikanan dan Jabatan Taman Laut bagi membendung masalah ini.

Sekian. Terima kasih.